

20 JUN 2003

CORAT-CORET DI PERHIMPUNAN UMNO

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Corat-coret pada hari kedua Perhimpunan Agung Umno ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra:

Telah menjadi tradisi pada perhimpunan agung Umno, menteri-menteri dan para pemimpin kanan parti meluangkan masa untuk melawat pusat media di Bilik Pangkor, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) sebagai tanda menghargai sumbangan wartawan yang bertungkus-lumus dari pagi hingga malam meliputi persidangan itu.

Perhimpunan agung kali ini juga tidak terkecuali apabila beberapa orang menteri kelihatan mengunjungi pusat media dan berjabat tangan dengan setiap wartawan yang ditemui hari ini.

Antaranya ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga Naib Presiden Umno, Menteri Kewangan Kedua Datuk Jamaludin Jarjis dan Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Azmi Khalid.

Pusat operasi Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) tidak terlepas daripada dikunjungi mereka kerana kebetulan terletak di sebelah dewan makan untuk petugas media.

Lawatan Muhyiddin, Jamaludin dan Azmi ke pusat operasi Bernama hari ini disambut Pengurus Besar Bernama Datuk Syed Jamil Jaafar dan Pengarah Pasukan Komunikasi, Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Abdul Rahman Sulaiman yang juga bekas ketua pengarang Bernama, yang kebetulan ada di situ.

Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob yang juga Setiausaha Agung Umno adalah yang pertama melawat dan bertemu wartawan di pusat media pada hari Rabu.

Kelab-kelab Umno luar negara, yang kebanyakan anggotanya terdiri daripada penuntut Malaysia, tetap mendapat perhatian para pemimpin kanan parti seperti pada perhimpunan agung Umno yang lepas-lepas.

Perhimpunan agung Umno adalah peluang terbaik bagi pemimpin berkenaan untuk bertukar-tukar pandangan serta menyampaikan nasihat dan pendapat mereka kepada kelab Umno yang mewakili penuntut dan rakyat Malaysia dari seluruh pelusok dunia.

Anggota kelab-kelab Umno luar negara mendapat perhatian pemimpin senior Umno kerana mereka merupakan golongan pelapis yang bakal mewarisi kepimpinan parti dan negara.

Antara yang telah mengadakan pertemuan dan berdialog dengan kelab Umno luar negara sepanjang perhimpunan agung tahun ini ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden parti, timbalannya Datuk Seri Abdullah Badawi, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz yang juga Ketua Wanita, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Seperkara yang tidak pernah kekurangan setiap kali Perhimpunan Agung Umno diadakan ialah makanan. Pagi, tengah hari, petang dan malam, makanan percuma disediakan untuk para perwakilan dan petugas yang terlibat,

termasuk pihak media.

Jamuan malam disediakan oleh Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam tadi, manakala timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menganjurkan jamuan serupa malam ini.

Kecekapan ibu pejabat Umno menguruskan makanan untuk beribu-ribu perwakilan dan petugas, rata-rata mendapat pujian semua pihak.

Tidak cukup dengan jamuan oleh presiden dan timbalannya, pengerusi-pengerusi perhubungan negeri juga bermurah hati menyediakan makanan untuk para perwakilan negeri masing-masing.

Dengan keadaan mereka sudah "Gendang gendut tali kecapi..." para perwakilan sudah tentu dapat memberikan tumpuan yang serius kepada pembentangan dan perbahasan usul-usul penting yang meliputi soal ekonomi, pendidikan dan agama serta isu-isu pembangunan bangsa Melayu dan persiapan pilihan raya umum yang bakal diadakan.

Walaupun pada umumnya mood para perwakilan sedih dan sayu untuk "berpisah" dengan presiden yang bakal meninggalkan jawatan nombor satu parti Oktober ini, dan ramai daripada mereka sebak dan menitiskan air mata secara terbuka ketika mendengar ucapan dasar presiden yang dianggap "ucapan perpisahan" semalam, namun mood di tempat makan masih tetap sama meriahnya seperti pada tahun-tahun yang lalu.

-- BERNAMA
KHY KHY RON